

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 20, 2019 2:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dr. Armanurah Giat Lahirkan Lebih Ramai Usahawan Kampus



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

20 MAC 2019 / 13 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Media

DR. ARMANURAH GIAT LAHIRKAN LEBIH RAMAI USAHAWAN KAMPUS



UUM ONLINE: Sesebuah universiti perlu berusaha untuk melahirkan graduan yang menjadi *job creator* dan boleh memberi sumbangan kepada negara dengan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Di UUM terdapat ramai pelajar yang telah terlibat sebagai usahawan semasa pengajian dengan bimbingan pensyarah dan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI).

Tiada yang lebih membahagiakan kepada seorang pendidik apabila melihat anak didiknya menjadi usahawan berjaya yang mencipta kerja bukannya mencari kerja, pastinya Dr. Armanurah Mohamad mampu menarik nafas lega mengukir senyuman.

Hasil kejayaan daripada projek SINTOKYO, pelajar mampu memulakan perniagaan sendiri dalam kampus dan bekerja yang memupuk minat menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selain membantu SINTOKYO membina reputasi perniagaan, meningkatkan pasaran dan jualan.

Dedikasi dan usaha kerasnya terserlah dalam Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti (HIMPU 2019), baru-baru ini apabila merangkul Anugerah Pengkomersilan bagi Projek SINTOKYO dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebagai satu pengiktirafan UUM terhadap perniagaan pelajar dan mentor.

Menurutnya pemilihan Anugerah Pengkomersilan ini berdasarkan kriteria seperti mendapat perlindungan harta intelek, produk yang telah dikomersilkan berdaftar dengan UUM, dan hasil jualan kasar mencapai sekurang-kurangnya RM10,000 setahun.

Berdasarkan kriteria tersebut, SINTOKYO telah memenuhi semua kriteria ini, malah jumlah pendapatan kasar yang dijana pada tahun 2018 sangat memberangsangkan melebihi had minimum yang ditetapkan.

“Anugerah ini sebagai pendorong untuk terus berusaha bagi melahirkan lebih ramai Usahawan Kampus dalam kalangan pelajar. Semoga ramai lagi pelajar dilatih oleh pensyarah untuk menjadi usahawan kampus seterusnya mendaftarkan perniagaan serta melindungi harta intelek perniagaan yang dibangunkan.

“Istilah Usahawan Kampus ini merujuk kepada pelajar yang melibatkan diri sebagai usahawan semasa pengajian mereka di universiti. Dengan menjadi Usahawan Kampus pelajar dapat menimba pengalaman keusahawanan sebagai usahawan dan mereka akan menjadi *job creator* semasa pengajian dan selepas bergraduat,” katanya.

Dr. Armanurah berkata, SINTOKYO merupakan perniagaan yang menjual pelbagai jenis sushi halal berperisa tempatan seperti gimbap dan *prawn tempura* yang beroperasi di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM).

Perniagaan SINTOKYO yang diusahakan oleh pelajar ini bermula pada 2017, dibimbing oleh beliau sendiri dalam memenuhi tugas projek perniagaan bagi kursus Pengurusan Jaringan Usahawan dan kursus Gelagat dan Kemahiran keusahawanan,

“Di dalam kelas ini saya nampak kesungguhan dua pelajar iaitu Siti Norliana Noordin Nurul Husna Md Zahir mempunyai ciri-ciri usahawan untuk menerokai sushi berperisa tempatan yang berpotensi untuk dikomersilkan. Merekalah pengasas SINTOKYO.

“Mereka menyertai Program Program Usahawan Francais Siswazah (PUFS), satu projek Dana Kementerian Pengajian Tinggi di bawah CEDI, sekali gus menyerlahkan potensi, bakat dan kemahiran keusahawanan mereka,” tambahnya.

Katanya, SINTOKYO memberi latihan keusahawanan dalam bentuk *experiential learning* melalui *Projek Entrepreneurial Student-Industry Engagement* yang merupakan jaringan keusahawanan secara menang-menang antara SINTOKYO dan pelajar untuk belajar mengendalikan perniagaan dan menguruskan jaringan dengan pelbagai pihak.

Selain itu, jaringan keusahawanan yang dibina dengan pelbagai pihak contohnya dengan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) banyak membantu SINTOKYO membina keyakinan diri untuk mengorak langkah keusahawanan dengan lebih jauh.

Melalui Program PUFS, SINTOKYO perlu menjalani perniagaan mereka secara *hands-on* di dalam kampus lalu dengan membuka di Kiosk di foyer SBM bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran keusahawanan secara *hands-on*.

Melalui projek PUFS, SINTOKYO telah mendapat bimbingan latihan keusahawanan dari pelbagai pihak terutamanya CEDI dan PNS yang memberi laluan menyertai beberapa pertandingan akhir di peringkat kebangsaan seperti *Top 10 Finalis Varsity Entrepreneurship Skills and Talents* (VEST) 2017 melibatkan semua IPT di Malaysia.

Kejayaan demi kejayaan diraih apabila tercalon sebagai *Top 10 Program Superb Teraju Higher Education* Kementerian Pendidikan Tinggi, SINTOKYO dan meraih kemenangan dana sebanyak RM50,000 selain tercalon dalam *Top 10 Malaysian Entrepreneurship Award* 2018 (MEA 2018).

Komited melebarkan lagi sayap, SINTOKYO menyertai karnival keusahawanan dan *Siswapreneur Showcase* yang merupakan platform untuk memperkenalkan produk kepada masyarakat.

Melalui bimbingan Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), SINTOKYO telah mendapat perlindungan harta intelek (copyright) di mana SINTOKYO telah berjaya didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 13 Julai 2018.

“ICC banyak memberi kefahaman ilmu mengenai kepentingan melindungi harta intelek perniagaan dan membantu SINTOKYO dalam pendaftaran harta intelek Perniagaan dan sentiasa memberi motivasi kepada SINTOKYO untuk meningkatkan jualan SINTOKYO.

Mengulas lanjut, sebagai mentor kepada perniagaan pelajar beliau sentiasa membantu menyelesaikan masalah dan konflik perniagaan yang berlaku.

“Susah senang dikongsi bersama, ada pelajar Usahawan Kampus ditipu pembekal sehingga rasa kecewa dan putus asa untuk meneruskan perniagaan namun mereka bangun kembali daripada kegagalan melalui aplikasi jaringan dan kini menjadi usahawan berjaya.

“Pengalaman keusahawanan secara *hands-on* yang dilalui oleh pelajar dalam projek Usahawan Kampus adalah aset *soft skills* yang sangat berharga yang mencorakkan masa depan mereka,” ujarinya.

Menurutnya, paling mencabar adalah untuk menarik minat pelajar daripada Program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan yang tidak minat berniaga untuk menjalankan perniagaan bagi tugas projek Usahawan Kampus.

“Jadi, saya perlu mencari kaedah terbaik untuk menarik minat pelajar ke alam keusahawanan misalnya melalui tugas *Entrepreneurial Student-Industry Engagement*, di sini pelajar yang tidak mempunyai *mind-set* keusahawanan bekerja dengan Usahawan Kampus untuk menimba pengalaman

Armanurah turut menjadikan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sesuatu yang menyeronokkan melalui gabungan teori dan pembelajaran keusahawanan secara *hands-on*.

“P&P bukan hanya berlaku di dalam kelas tetapi juga melibatkan aktiviti keusahawanan secara *hands-on* di luar kelas apabila pelajar dilatih berhadapan dengan dunia perniagaan sebenar sebelum dikongsikan di dalam kelas.

“Saya dapati cara ini menjadikan kuliah lebih *live* kerana masing-masing mempunyai pengalaman keusahawanan untuk dikongsikan berdasarkan tajuk tugas yang diberi di

samping jaringan pelajar menjadi akrab, saling bantu membantu dalam menyelesaikan tugas,” luahnya.

Menariknya, hasil daripada projek ini pelajar memulakan perniagaan sendiri dalam kampus dan bekerja di SINTOKYO sekali gus memupuk minat pelajar menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

“Semoga SINTOKYO terus bersinar dan dapat melebarkan sayap ke peringkat yang lebih luas dan terus memberi sumbangan kepada IPT khususnya UUM sama ada sebagai fasilitator, *trainer* dalam memotivasikan pelajar IPT menjadi *Job-Creator*,” pesannya.

Sementara itu, pengasas SINTOKYO, Siti Norliana berkata, pada awalnya, perniagaan ini hanya dijalankan sekadar untuk memenuhi tugas yang diberikan oleh pensyarah.

“Namun setelah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada pelanggan saya bersama rakan kongsi, Nurul Husna mengambil keputusan meneruskan perniagaan ini dengan serius sekali gus menjadi sumber pendapatan.

“Kami hanya belajar menyediakan sushi melalui youtube serta internet seterusnya mengolah mengikut cita rasa masyarakat.

“Saya gembira dapat membantu pelajar lain untuk menambah pendapatan dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka bermula dengan empat orang pekerja kini SINTOKYO mempunyai 12 pekerja di kalangan mahasiswa,” kongsi usahawan kampus ini lagi.

Menurutnya, pihak universiti memainkan peranan penting membantu mereka agar lebih serius dalam perniagaan dengan menyediakan program keusahawanan yang sangat berguna demi mengembangkan perniagaan.

“Sebagai pelajar pelbagai cabaran yang dihadapi saya perlu membahagikan masa dengan sebaik mungkin antara pelajaran dan perniagaan. Saya perlu berkorban masa adakalanya tidur dua jam sehari apabila perlu menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah memandangkan di siang hari sibuk menguruskan perniagaan dan kelas.

“Cabaran terbesar ialah semasa mengolah resepi agar sesuai dengan tekak atau selera orang kita disebabkan tidak ramai masyarakat yang gemar makan makanan mentah jadi saya perlu mencari pelbagai idea baru yang kreatif dalam menjentik selera,” ujanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.